

Silat Harimau wakili Singapura dalam pesta ASEAN bulan depan

Berita Minggu

Oleh: SALIM OSMAN

26 JAN 1975

KUMPULAN Silat Harimau Singapura adalah antara kumpulan-kumpulan Silat Melayu yang telah diundang menyertai satu Pesta Silat seluruh negara ASEAN di Stadium Negara, Kuala Lumpur, bulan depan.

Penyertaan kumpulan itu adalah atas undangan Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia yang mengadakannya dengan tujuan untuk mempopularkan silat-silat Melayu di rantau ini.

Ini telah dinyatakan sendiri oleh mahaguru silat Harimau, Encik Mohd. Husni Ahmad, yang baru saja pulang dari Kuala Lumpur setelah menemui pemimpin-pemimpin kumpulan Silat Lincah.

Ketika ditemui di rumahnya di Lorong Engku Aman, dia berkata: "Ini adalah pertunjukan silat seluruh Malaysia yang pertama kali diadakan.

Tunggal

"Ia akan disertai oleh, tidak saja kumpulan Silat Harimau saya, tetapi juga kumpulan-kumpulan Silat Melayu lain di Malaysia, kumpulan seni mempertahankan diri Siam, Filipina dan Indonesia."

Kumpulan silat itu, katanya, adalah yang tunggal diundang dari Singapura untuk menunjukkan permainannya kepada jaguh-jaguh silat lain.

"Kami berasa bangga menerima undangan ini sebagai kumpulan mewakili Singapura dan kami akan cuba menunjukkan permainan silat Harimau

Husni diminta jadi pengadil di KL

★ Dari Muka 1

sudut zahir dan batin. "Mereka yang akan menunjukkan permainan ini terdiri dari murid-murid lama saya yang telah bersetuju untuk mempopularkan Silat Harimau di sana," katanya.

Encik Husni menjelaskan bahawa murid-muridnya ini tidaklah menganggotai mana-mana pertubuhan silat di Republik ini dan tidak lagi belajar dengan mana-mana guru silat.

Encik Husni, yang lebih dikenali sebagai Pendekar Husni memberitahu, dia telah menemui serombongan lima orang pemimpin Silat Lincah di Kuala Lumpur yang telah memintanya juga menjadi pengadil pertandingan itu.

Rombongan itu termasuklah mahaguru silat itu, Encik Omar Din, dan pendekar-pendekarnya.

Mereka telah pun melawat Medan, Indonesia untuk menyampaikan undangan kepada sebuah pertubuhan silat di sana untuk menyertai pesta itu.

Rombongan itu akan melawat Thailand untuk mengundang kumpulan Tinju Sam atau Tomoi dan kemudian ke Filipina untuk tujuan yang sama.

BKMS akan anggotai Jk Penasihat Silat Majlis Sukan S'pura

✓ - 5 FEB 1975

BADAN Kesenian Melayu Singapura (BKMS) memutuskan akan menganggotai Jawatankuasa Penasihat Silat yang dibentuk oleh Majlis Sukan Singapura.

Keputusan itu dibuat baru-baru ini oleh Jawatankuasa Pusat Badan itu, dan sepucuk surat telahpun dikiriskan kepada Jawatankuasa Penasihat tersebut.

Yang Dipertua BKMS, Encik Hussein Ismail semalam memberitahu, keputusan itu dibuat setelah BKMS mendapati bahawa badan-badan

lain yang menganggotai Jawatankuasa itu hanya mempunyai satu jenis silat, sedangkan BKMS pula mempunyai tiga jenis silat.

Encik Hussein juga menyatakan, tiga orang guru silat dan seorang instraktornya telah lulus dalam interbiu dengan Majlis Sukan baru-baru ini.

Mereka ialah Encik Mawi Kadir, Basri Alahg, Hamin Bujang dan Jalil Madon.

BKMS, sebelum ini telahpun mendaftarkan tiga jenis silatnya — Silat Harimau, Silat Kuningan dan Silat Kuntau Melaka — kepada pihak berkuasa.

Ketiga-tiga jenis silat mempunyai 118 orang yang berdaftar.

Soal kemasukan BKMS dalam Jawatankuasa Penasihat Silat Majlis Sukan telah menjadi heboh lama dulu. Dalam mesuarat agung kesembilan dan itu baru-baru ini, itu juga tidak dapat diputuskan.

Mesyuarat pada masa bersetuju menyerlah masalah tersebut ke Jawatankuasa Pusat untuk menentukannya.

Perlu

Encik Hussein beranggapan "Kami merasa perlu menganggotai Jawatankuasa Penasihat itu memarkami mempunyai tiga jenis silat yang didaftar, sekan badan-badan lain menganggotai Jawatankuasa itu hanyalah mempunyai satu jenis silat

"Tambahkan pula, jika kami, siapa la yang akan menganggotai Jawatankuasa itu?"

Jawatankuasa Penasihat Silat dianggotai oleh satu-satu Pencak Silat Singapura (Perpensis), I-tuan Wanita dan T (Perwanit), Perkumpulan Anak-Anak Sandi Angkatan Kesenian (Perkasan), Persatuan Ba Persatuan Rakyat dan Majlis Sukan sendiri.

Sebelum ini Berituan diberitahu, BKMS telah menganggotai Jawatankuasa Penasihat Silat ketika pemberituan dulu, ia telah diundang.